

## LAPORAN AKTIVITI TAHUN 2025

<b>AKTIVITI</b>	: Lawatan Akademik Pelajar dari Management And Science University (MSU) ke INSTUN
<b>TARIKH</b>	: 22 Mei 2025
<b>TEMPAT</b>	: Dewan Kuliah Induksi (DKI), Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)
<b>RINGKASAN PROGRAM</b>	: Seramai 62 orang pelajar bersama seorang pensyarah dari Management and Science University (MSU) telah hadir dalam lawatan akademik ke Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) pada 22 Mei 2025 (Khamis) bertempat di Dewan Kuliah Induksi (DKI), INSTUN.

Lawatan ini merupakan sebagai salah satu aktiviti pembelajaran di luar bilik kuliah yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar berkaitan tanah, mengukuhkan jaringan antara institusi dan menanam minat yang lebih mendalam dalam bidang perundangan tanah.

Sepanjang sesi lawatan, para pelajar telah berpeluang mendengar dua slot perkongsian ilmu yang bermanfaat iaitu:

1. Intisari Pentadbiran Tanah di Malaysia dan Pengenalan kepada Kanun Tanah Negara yang disampaikan oleh Encik Nasrul Izani bin Ramli.
2. Pengenalan kepada Akta Pengambilan Tanah 1960 yang disampaikan oleh Encik Mohd Shukri bin Hamzah

Selain itu, pelajar juga berpeluang melawat Mahkamah Mot Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah dan meninjau aktiviti di kelas-kelas yang sedang berlangsung.

Lawatan ini bukan sahaja memberi gambaran jelas mengenai aplikasi teori perundangan tanah dalam dunia sebenar, malah memperkuuh pemahaman para pelajar terhadap aspek perundangan yang berkaitan dengan tanah.

Pihak INSTUN merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak MSU atas kunjungan ini dan berharap kerjasama seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

## GAMBAR



